

Ibu maut dipenggal anak

Suspek yang positif dadah berjaya diberkas oleh polis

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR


Seorang wanita maut selepas anaknya bertindak kejam dengan memenggal kepala ibunya dengan parang dalam kejadian di Kampung Baru Pasir Penambang di sini pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Ramli Kasa berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian menyedihkan itu pada jam 5.45 petang.

Menurut beliau, siasatan mendapati mangsa berusia 56 tahun dibunuh anaknya berusia 28 tahun dalam kejadian di ruang tamu berikutan terdapat kesan darah dalam rumah tersebut.

“Kejadian disedari apabila salah seorang daripada anak mangsa gagal menghubungi ibunya dan telah pergi ke rumah terbabit.

“Sebaik tiba di rumah, anak mangsa nampak keadaan dalam rumah berlumuran darah dan suspek yang terkejut terus



Rumah wanita yang dipenggal kepala oleh anak kandung sendiri dalam kejadian di Kampung Baru Pasir Penambang, Kuala Selangor pada Sabtu.

melarikan diri,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Ramli memberitahu, anggota polis dengan bantuan para penduduk kampung telah berjaya menangkap suspek yang bersembunyi dalam belukar berhampiran dengan rumah ibunya itu.

“Parang yang disyaki digunakan untuk memenggal kepala mangsa turut ditemui dalam tandas rumah ini,” katanya.

Jelas Ramli, suspek yang juga penganggur menetap bersama ibu dan bapanya,

manakala anak-anak lain menyewa rumah di kawasan berhampiran.

Ramli berkata, ujian air kencing telah dilakukan terhadap suspek di Hospital Tanjong Karang.

Ujar beliau, hasil laporan awal mendapati suspek positif dadah jenis Methamphetamine.

Menurut beliau, suspek telah ditahan reman selama tujuh hari dan kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh.

INFO

KES ANAK BUNUH IBU BAPA

9 Oktober 2018 - Seorang bapa yang juga Orang Kurang Upaya (OKU) dipenggal kepala oleh anak lelakinya yang berang ditegur menghisap dadah di dalam rumah di Kampung Kanthan Baru, Chemor, Perak.

15 Jun 2020 - Seorang lelaki yang dikatakan sering dimarahi dan dimaki oleh bapa kandung akhirnya gagal mengawal diri apabila bertindak membunuh bapanya di Kampung Ulu Taburi, Lahad Datu, Sabah.

18 November 2020 - Berang ditegur leka bermain telefon, seorang penganggur di Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan sanggup menikam bapanya dengan sebilah pisau hingga mati di tempat kejadian.

12 September 2020 - Mengikut pertuduhan, seorang lelaki didakwa dengan sengaja membunuh bapa kandungnya di rumah mereka di Gunung Rapat, Ipoh, Perak menggunakan botol dan serpihan botol kicap.

29 April 2021 - Gara-gara mendengar bisikan suara halus, seorang lelaki bertindak kejam apabila sebelum menapak

Anak perempuan minta bantuan jiran

KUALA SELANGOR - Salah seorang anak wanita yang dipenggal kepala sempat meminta pertolongan jiran selepas terdapat kesan darah pada mayat ibunya di Kampung Baru Pasir Penambang di sini pada Sabtu.

Jirannya, Ghazali Atan, 64, berkata, kejadian itu dimaklumkan anak perempuan mangsa yang datang ke rumahnya pada kira-kira jam 5 petang.

Menurutnya, anak mangsa ketika itu kelihatan panik dan tidak tahu berbuat apa-apa selepas melihat ibunya kaku tidak bernyawa.

“Semasa kejadian saya tidak mendengar apa-apa meskipun jarak rumah saya dan tempat kejadian hanyalah 40 meter,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Ghazali memberitahu, sejourus mengetahui kejadian itu, dia dan isterinya, Pokiah Mainal, 57, ser-

ta beberapa penduduk berhampiran terus ke tempat kejadian.

“Mangsa seorang yang peramah selain sering memberi kami beras dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, alunan al-Quran kedengaran dari rumah mangsa ketika pihak media mengunjungi rumah tersebut pagi Ahad dan ahli keluarga wanita itu enggan menemui wartawan.



GHAZALI

mengekik sebelum menetak ibunya hingga mati menggunakan sebilah parang dalam satu kejadian di Kampung Pesagi, Maran, Pahang.

4 Oktober 2021 - Sepasang suami isteri warga emas di Kg Kemahang Hulu, Benta maut dipercayai ditetak anak lelaki mereka menggunakan parang dan kejadian didakwa berlaku selepas suspek berbual bersama bapanya mengenai ilmu agama serta ketuhanan.

10 November 2021 - Seorang penagih dadah mengelar leher ibu kandungnya dengan senjata dipercayai pisau tumpul sehingga maut dalam kejadian di rumah mereka di Kampung Jeniang, Batu 5, Jalan Gurun, Jeniang, Kedah.

1 Disember 2021 - Seorang pesara tentera berusia 73 tahun maut selepas anak lelakinya yang juga pesakit mental dikatakan memijak kepala dan muka mangsa selain mencederakannya dengan pisau pemotong kek dalam kejadian di Jenderam Hulu, Dengkil, Selangor.

16 Januari 2022 - Seorang wanita berusia 56 tahun maut dipercayai dipenggal kepala oleh anaknya dalam kejadian di Kampung Baru Pasir Penambang, Kuala Selangor.

Parah ditetak bekas menantu

AMPANG - Seorang lelaki menetak kepala dan badan bekas mentuanya sehingga parah dalam kejadian di sebuah warung di Pandan Jaya pada Sabtu.


Suspek kemudian bertindak melarikan diri dan polis kini sedang berusaha mengesan lelaki terbabit.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, sebelum kejadian, buruh binaan warga asing berusia 51 tahun itu didatangi bekas menantunya yang juga lelaki tempatan berumur 25 tahun.

“Suspek membawa sebilah parang lalu terus menetak mangsa beberapa kali di bahagian badan serta kepala sehingga mengakibatkan luka di kepala, pipi kiri dan lengan kiri,” katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, polis menerima makluman berkaitan kejadian kira-kira jam 11 malam sebelum bergegas untuk pemeriksaan di lokasi terbabit.

“Mangsa kini berada di Zon Kuning Hospital Ampang dan kini keadaan stabil. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan,” katanya.



Lelaki cedera parah di kepala akibat ditetak bekas menantu dalam kejadian di sebuah warung di Pandan Jaya pada Sabtu.